

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1988/89

PLG 392 - Kaedah Mengajar Sains Paduan

Tarikh: 29 Oktober 1988

Masa: 2.15 petang - 4.15 petang  
(2 jam)

Jawab SEMUA soalan.

1. Pilih empat daripada item-item berikut:

- a) Bincangkan dengan secara ringkas ide-ide Armstrong mengenai kaedah mengajar sains.
- b) Huraikan sebab-sebab mengapa ide-ide ditolak oleh pihak tertentu dalam pengajaran sains di England.
- c) "Penekanan Sains Paduan ialah terhadap cara mendapatkan pengetahuan dan bukan untuk memperolehi fakta-fakta sahaja." Berikan keterangan selanjutnya tentang pernyataan ini.
- d) "Kursus dalam perkhidmatan tidak melengkapkan guru dengan pengetahuan dan sikap yang sesuai untuk mengajar sains paduan dengan berkesan". Berikan pendapat anda tentang pernyataan yang tersebut di atas.
- e) Nyatakan dengan secara ringkas perubahan-perubahan utama dalam rancangan sains KBSM.

(40 markah)

2. a) Jelaskan tiga rasional utama tentang penggunaan kertas latihan dalam rancangan Sains Paduan.

(10 markah)

- b) Bincangkan empat aspek mengapa kertas latihan Sains Paduan tidak dapat digunakan dengan berkesan di sekolah-sekolah kita.

(20 markah)

...2/-

3. Rancangan Sains Paduan adalah bertujuan untuk:

- a) mendapat pengetahuan mengenai dunia empirikal;
- b) melatih kemahiran berkomunikasi (perhubungan);
- c) mengembangkan sikap objektiviti;
- d) memahami sains sebagai aspek kebudayaan;
- e) mengembangkan kebolehan berfikir.

Terangkan dengan secara ringkas tiga daripada tujuan-tujuan yang tersebut di atas.

(30 markah)

-ooo00ooo-